

**mastika**

BULANAN PENDIDIKAN DAN PENGETAHUAN

**Utusan Malaysia**

RABU, 10 OKTOBER, 1979

**LDP GAGAL MENDAPAT KERUSI-KERUSI STABIL**

PERCUBAAN Perdana Menteri Jepun, Masayoshi Ohira, untuk menstabilkan politik negara itu dengan mengadakan pilihanraya lebih awal setahun dari mandat yang lalu menemui kekecewaan bila Parti Liberal Demokrat (LDP) pimpinannya hanya mendapat 248 kerusi — satu kerusi kurang dari sebelum Parlimen lalu dibubarkan.

Hasil pilihanraya ini memperlihatkan bahawa percaturan politik negara industri itu akan bergolak terus di tahun-tahun lapan puluhan dan diramalkan berbagai masalah politik, sosial dan ekonomi akan dihadapi oleh Jepun dengan kenaikan sumber minyak yang direncanakan oleh OPEC.

Keputusan-keputusan pilihanraya itu tidaklah boleh dianggap parti-parti kiri terutama Parti Komunis telah menunjukkan kekuatan pengaruh baru dalam arena politik Jepun walaupun parti itu menambahkan sejumlah 20 kerusi dari 19 kepada 39 kerusi. Ini berdasarkan kepada parti pembangkang utama dan terbesar, Parti Sosialis Jepun (JSP) kehilangan 10 kerusi dengan hanya mendapat 107 dari 117 dalam Diet (Parlimen) lalu yang dibubarkan pada 7 September lepas.

Parti-parti yang sederhana yang membentuk perikatan mereka juga menambahkan kerusi terutama Parti Sosialis Demokrat yang anti-komunis menambahkan kerusi dari 28 kepada 35.

Kedudukan jumlah kerusi-kerusi yang diperolehi oleh parti-parti ini tidaklah bererti LDP lebih merosot walaupun ia kehilangan satu kerusi tetapi ia dapatlah dianggap LDP tidak dapat meluaskan pengaruhnya dari yang telah ada setelah memegang teraju pemerintahan begitu lama sejak 24 tahun lalu.

LDP yang menjangka akan dapat memenangi 271 dari 511 kerusi Parlimen itu, setelah berbagai-bagai punggutan pendapat dijalankan hanya diberi mandat oleh 80 juta para pengundi Jepun untuk meneruskan pemerintahannya tetapi tidak dengan kuasa yang besar sehingga boleh mengubah segala struktur penghidupan rakyat.

Bolehlah dikatakan keputusan ini kembali kepada status quo lama, walaupun Parti Komunis menambahkan 20 kerusi tetapi atas kekalahan parti pembangkang terbesar JSP. Partiparti konservatif berhaluan kanan juga menambahkan kedudukan kerusi mereka dan 'trend' ini dijangka akan berterusan buat beberapa tahun lagi dalam pilihanraya-pilihanraya negara itu.

PM Masayoshi Ohira yang mengambil alih pimpinan LDP dari Takeo Fukuda terjes sedikit imejnya kerana dengan itu bererti kepimpinannya yang dikatakan lebih dinamis dari Fukuda tidak dapat menghasilkan "kerusi-kerusi stabil" yang beliau harap-harapkan.

Bagalmanapun, perkembangan selanjutnya sama ada Masayoshi Ohira terpaksa melepaskan jawatannya dalam kerajaan dan parti walaupun ada suara seperti dari bekas Perdana Menteri Takeo Miki bergantung kepada sama ada akan muncul tokoh-tokoh yang dapat menandingi dan mencabar pimpinan Ohira.

**PERUMAHAN GOTONG ROYONG**

MENURUT Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Neo Yee Pan, hanya 13,506 unit sahaja rumah kos rendah dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, sedangkan matlamat sebenar ialah 73,506 unit. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sepatutnya mempunyai segala kuasa menentukan corak industri perumahan di negara ini berjalan. Ini termasuk bukan sahaja harga, tetapi juga bentuk atau jenis rumah yang akan dibina oleh pemaju-pemaju perumahan.

Pembinaan hanya 18.3 peratus rumah kos rendah, tidak bermakna perusahaan perumahan di negara ini tidak berkembang. Sebenarnya perusahaan perumahan di negara ini lebih ditumpukan kepada pembinaaan rumah-rumah mahal, yang sama sekali bercanggah dengan masalah pokok perumahan.

Cadangan terbaru kerajaan untuk melaksanakan konsep gotong royong atau self-help housing, yang masih di peringkat kajian, adalah bagi mengatasi masalah harga dan kualiti rumah.

Memandangkan permintaan terhadap rumah kos rendah sangat besar, yang mempunyai implikasi besar terhadap masa depan kerajaan yang ada, maka kerajaan perlulah memberi perhatian serius seperti menggunakan tanah-tanah kerajaan untuk pembinaan rumah murah.

Menggunakan tanah kerajaan untuk membuat padang golf seperti yang ditiru-urakan oleh Kerajaan Selangor tidak berapa lama dahulu, tentulah merupakan satu langkah yang tidak tepat dalam suasana seperti sekarang.

Penyertaan Malayan Banking memudahkan syarat pinjaman patutlah diikuti oleh lain-lain bank yang mesti turut bertanggungjawab mengatasi masalah negara secara bersama-sama.

PERISTIWA demonstrasi lapar di Weng Baling, Kedah tahun 1974 dulu terkenal kembali ketika saya empat hari membuat tinjauan di daerah ini atas anjuran RISDA.

Sekarang timbul kembali titik-titik tanda tanya: Kenapa rakyat Baling tunjuk perasaan? Jawabnya kerana getah, harga getah dan masalah-masalah getah yang lain.

Demonstrasi lapar tahun 1974 ini telah membuka mata kerajaan, dan segala langkah dan usaha telah diambil untuk menaikkan semula harga getah.

Tidak lama kemudian RISDA ditubuhkan yang bertujuan antara lain untuk melindungi masyarakat pekebun kecil yang jumlahnya lebih setengah juta keluarga di seluruh negara dan luasnya kira-kira 2.8 juta ekar.

Dan sekarang harga getah telah meningkat lebih seringgit sekati, tapi bagaimanapun peristiwa demonstrasi masih tidak boleh dilupakan.

RISDA telah dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas berat itu dengan mengadakan satu rancangan khusus untuk masyarakat pekebun-pekebun kecil yang dinamakan 'program Pembangunan Tenaga Manusia'.

RISDA telah mengadakan rancangan-rancangan dari peringkat bawah (kanak-kanak) hinggalah orang dewasa. Semuanya adalah untuk kebaikan dan masa depan masyarakat pekebun-pekebun kecil.

Antara beberapa rancangan yang diutamakan khusus untuk rancangan Pembangunan Tenaga Manusia ini termasuklah:

- Mengadakan kelas-kelas bimbingan kanak-kanak,
- Mengeluarkan biasiswa pelajaran di sekolah-sekolah menengah,
- Menubuhkan asrama untuk anak-anak pekebun kecil,
- Mengadakan latihan khas yang dinamakan Kumpulan Tenaga Kerja khusus untuk belia-belia yang tidak bersekolah,
- Memimpin belia-belia menjadi peniaga, dan
- Menghantar pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran keluar negeri.

Di samping itu untuk kaum wanita dan para pekebun kecil sendiri memang tidak dilupakan dengan mengadakan persatuan wanita dan juga beberapa aktiviti lain untuk kaum bapa.

Rancangan yang diatitkan oleh RISDA adalah untuk membantu masyarakat pekebun-pekebun kecil dari peringkat anak-anak kecil hinggalah orang dewasa.

**Asrama**

Ketua Pengarah RISDA sendiri iaitu Dr. Mohd. Nor bin Abdullah, menyatakan, sehingga ini sejumlah 28 buah asrama telah pun didirikan oleh RISDA di seluruh negara yang sekurang-kurangnya tiap-tiap buah negeri mempunyai sebuah bangunan asrama.

Dari jumlah 28 buah asrama ini kira-kira lebih 1,000 orang pelajar menengah telah dapat ditampung yang kebanyakan mereka telah disyorkan oleh pihak guru-guru besar untuk melanjutkan pelajaran hingga ke sekolah menengah.

Tetapi disebabkan ibu bapa mereka tidak berkemampuan tambahan pula sekolah-sekolah menengah terletak jauh dari rumah masing-masing jadi ramai antara pelajar-pelajar itu terpaksa diberhentikan sekolah. Tetapi dengan tertubuhnya asrama seperti ini kira-tiga tahun lalu masalah ini telah sedikit demi sedikit dapat dibenters.

Di asrama ini pelajar diberi makanan percuma. Tempat tinggal, pelajaran tambahan dan pengangkutan percuma. Bagaimanapun tiap-tiap seorang dari mereka hanya dikenakan bayaran \$5 seorang sebulan.

Untuk tujuan melicinkan perjalanan asrama ini pihak RISDA terpaksa membelanjakan \$40 sebulan untuk tiap-tiap

seorang pelajar yang tinggal di asrama, termasuk belanja sewa bangunan dan sebagainya. Bagi pelajar-pelajar yang tinggal berhampiran sekolah, tetapi tidak berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah, pihak RISDA telah mengeluarkan perbelanjaan kira-kira \$10,000 setahun untuk belanja biasiswa.

Bagi pelajar-pelajar dalam tingkatan satu — tiga mereka diberikan bantuan \$15 sebulan 4 dan 5 mendapat \$25 sebulan sementara tingkatan 6 ke atas mendapat \$45 sebulan.

Menurut penjaga asrama RISDA Baling Encik Anuar Haji Ahmad sejak asrama ini dibuka kira-kira 3 tahun lalu mutu pelajaran kebanyakan mereka telah meningkat ke taraf yang lebih baik lagi.

Katanya, ini adalah kerana adanya disiplin yang kuat di samping tiap-tiap orang pelajar mendapat tambahan dibayar asrama. Khairul adalah pelajar tingkatan tiga.

Seorang lagi pelajar Mohd. Hussein bin Awang Boon 16, pelajar tingkatan empat dari Kampung Becha Tok Bulan, Weng menyatakan rasa gembiranya diambil tinggal di asrama tersebut.

"Saya sungguh bertuah mendapat seorang ayah yang berpendidikan jauh, kerana sejak dari sekolah rendah lagi ia telah diberikan perhatian yang lebih hinggalah meningkat ke darjah enam sebelum masuk ke asrama", katanya.


Anak ketujuh dari tujuh orang adik beradik ayahnya adalah seorang pekebun kecil tetapi ibunya telah meninggal dunia tidak berapa lama dahulu.



ENCK ANUAR HAJI AHMAD

*RISDA telah mengadakan rancangan-rancangan dari peringkat bawah kanak-kanak hinggalah orang dewasa. Ayoh syorkan lebih banyak asrama dibina untuk anak-anak pekebun kecil*

**RISDA dengan "Tenaga Manusia" di bumi Baling**



• DI WAKTU rehat sementara menunggu waktu sembahyang anak-anak ini dilatih supaya memisahkan dirinya rajin membaca. Menonton TV di waktu malam tidak digalakkan. Bagaimanapun anak-anak pekebun kecil yang terpilih tinggal di Asrama RISDA ini tetap gembira dan rasa bertuah.

yang kuat di samping tiap-tiap orang pelajar mendapat tambahan dibayar asrama. Khairul adalah pelajar tingkatan tiga.

Seorang lagi pelajar Mohd. Hussein bin Awang Boon 16, pelajar tingkatan empat dari Kampung Becha Tok Bulan, Weng menyatakan rasa gembiranya diambil tinggal di asrama tersebut.

"Saya sungguh bertuah mendapat seorang ayah yang berpendidikan jauh, kerana sejak dari sekolah rendah lagi ia telah diberikan perhatian yang lebih hinggalah meningkat ke darjah enam sebelum masuk ke asrama", katanya.

Anak ketujuh dari tujuh orang adik beradik ayahnya adalah seorang pekebun kecil tetapi ibunya telah meninggal dunia tidak berapa lama dahulu.

Bagi Mohd. Yusof bin Mohd. Noor pelajar tingkatan empat yang juga merupakan ketua pelajar di asrama memberitahu mendapat peluang belajar di asrama RISDA ini adalah lebih beruntung dibandingkan dengan nasib pelajar-pelajar lain dari kampungnya.

Belia-belia ini telah dihantar berkursus mengikut kemahiran masing-masing seperti latihan kemahiran, membuat perabot, membaiki kereta dan mengadakan kedai-kedai runcit.

Hasil dari usaha giat yang telah dijalankan

berasal dari Kampung Batu 8 Tanjung Pari, Mukim Siong iaitu sebuah kampung pedalaman dalam Daerah Baling, Mohd. Yusof ialah anak sulung dari tujuh orang adik beradiknya.

Katanya, sejak tinggal di asrama ini kira-kira tiga tahun lalu taraf atau mutu pelajarannya telah meningkat di bandingkan dengan masa sebelum ia melanjutkan pelajaran ke bandar Baling.

Mohd. Yusof melahirkan harapannya supaya pihak RISDA dapat membuka lebih banyak lagi asrama-asrama di lain-lain tempat demi memberi peluang pelajaran yang lebih baik kepada anak-anak pekebun kecil di masa akan datang.

Bagi belia-belia yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke tingkatan lebih tinggi, pihak RISDA mengadakan satu kumpulan tenaga kerja yang mana tiap-tiap peserta dilatih menjadi pemborong peniaga atau pengusaha secara kecil-kecilan.

Tujuan utama mereka dihantar melanjutkan pelajaran keluar negeri adalah sebagai tanaman modal di masa akan datang dalam perusahaan getah.

Apabila kembali nanti akan menjadi golongan pelajar yang berkemampuan memajukan lagi perusahaan getah di samping mengusahakan terus perusahaan getah di mana sekarang kebanyakannya diusahakan oleh orang tengah dan golongan yang bukan pekebun kecil sendiri.

**SAUDARA PENGARANG,**

**Awas pengintai...**

NASIHAT-nasihat berikut ingin saya tujukan kepada para penumpang-penumpang wanita sebelah malam yang dalam perjalanan ke utara.

Berhati-hatilah kamu kerana "pengintalan" berlaku semasa kamu sedang berada dalam bilik air salah sebuah kedai minuman pada masa bas-bas yang kamu menaiki itu berhenti berehat di Kuala Kangsar.

Diharap pihak berkuasa daerah Kuala Kangsar dapat mengambil tindakan ke atas "kutu-kutu" yang bertanggungjawab melakukan perbuatan terkutuk itu.

• 10075 K.L.

Oleh MAIMUNAH YUSOFF



KHAIRUL KAMAL



HASBULLAH HJ WAN DAUD



MOHD YUSOF MOHD NOR

seorang pelajar yang tinggal di asrama, termasuk belanja sewa bangunan dan sebagainya.

Bagi pelajar-pelajar yang tinggal berhampiran sekolah, tetapi tidak berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah, pihak RISDA telah mengeluarkan perbelanjaan kira-kira \$10,000 setahun untuk belanja biasiswa.

Bagi pelajar-pelajar dalam tingkatan satu — tiga mereka diberikan bantuan \$15 sebulan 4 dan 5 mendapat \$25 sebulan sementara tingkatan 6 ke atas mendapat \$45 sebulan.

Menurut penjaga asrama RISDA Baling Encik Anuar Haji Ahmad sejak asrama ini dibuka kira-kira 3 tahun lalu mutu pelajaran kebanyakan mereka telah meningkat ke taraf yang lebih baik lagi.

Katanya, ini adalah kerana adanya disiplin yang kuat di samping tiap-tiap orang pelajar mendapat tambahan dibayar asrama. Khairul adalah pelajar tingkatan tiga.

Seorang lagi pelajar Mohd. Hussein bin Awang Boon 16, pelajar tingkatan empat dari Kampung Becha Tok Bulan, Weng menyatakan rasa gembiranya diambil tinggal di asrama tersebut.

"Saya sungguh bertuah mendapat seorang ayah yang berpendidikan jauh, kerana sejak dari sekolah rendah lagi ia telah diberikan perhatian yang lebih hinggalah meningkat ke darjah enam sebelum masuk ke asrama", katanya.


Anak ketujuh dari tujuh orang adik beradik ayahnya adalah seorang pekebun kecil tetapi ibunya telah meninggal dunia tidak berapa lama dahulu.

Bagi Mohd. Yusof bin Mohd. Noor pelajar tingkatan empat yang juga merupakan ketua pelajar di asrama memberitahu mendapat peluang belajar di asrama RISDA ini adalah lebih beruntung dibandingkan dengan nasib pelajar-pelajar lain dari kampungnya.

Belia-belia ini telah dihantar berkursus mengikut kemahiran masing-masing seperti latihan kemahiran, membuat perabot, membaiki kereta dan mengadakan kedai-kedai runcit.

Hasil dari usaha giat yang telah dijalankan

berasal dari Kampung Batu 8 Tanjung Pari, Mukim Siong iaitu sebuah kampung pedalaman dalam Daerah Baling, Mohd. Yusof ialah anak sulung dari tujuh orang adik beradiknya.



**MENCARI SANDARAN LEBIH KUAT**

*Fiqah (siri 270)*

AGAMA Islam menggalakkan umatnya menuntut ilmu dari buaian hingga ke liang lahad, dan menggunakan segala apa yang ada di keliling kita sebagai alat untuk menuntut ilmu itu.

Oleh itu bila kita mula sahaja belajar ilmu agama Islam maka cita-cita yang mesti kita tanam dalam hati ialah hendak mempelajari ilmu ini seberapa dalam yang boleh melalui berbagai cara dan saluran, kerana alam ini penuh dengan sesuatu untuk kita pelajari dan hayati.

Janganlah hanya membaca sebuah kitab perukunan dan berguru dengan seorang berdua dan tidak mengerti nilai-nilai Hadis yang dijadikan sandaran hukum di samping Quran sudah pandai menyalahkan orang atau terlalu mudah mengambil kesimpulan "menyongsangkan" ajaran yang tidak pernah ditemuinya dalam kitab perukunan yang begitu ringkas.

Untuk mengikut galakan yang diberikan oleh Islam iaitu menuntut ilmu hingga ke liang lahad, maka dari semasa ke semasa kita mendalami ilmu dan kalau pada masa yang lalu kita telah beramal dengan sesuatu yang sandaran hukumnya tidak cukup kuat tetapi sekarang telah menemui sandaran yang lebih kuat, maka kita betulkan yang salah.

SYAFEI  
Dalam perkara bermazhab, anutan rasmi di negara kita ialah Imam Syafe'i. Kalau begitu artinya kita menghormati Imam Syafe'i. Dan kalau benar kita menghormatinya, mengapa kita tidak mengikut sikapnya dalam perkara penentuan hukum?

Imam Syafe'i dalam ijthadnya, setelah memenuhi satu kesimpulan dari hasil ijthadnya seberapa yang terdaya olehnya lalu berkata bahawa itulah mazhabnya, jika selepas itu didapati ada Hadis Sahih yang berlawanan dengan mazhabnya, maka ikutilah Hadis itu dan tinggalkan hasil ijthadnya yang berlawanan dengan Hadis Sahih tadi.

Hal ini diperkatakan, kerana dalam siri yang baru lalu kita telah cuba belajar menilai Hadis yang menjadi sandaran hukum menjadikan qunut sebagai amalan tetap dalam sembahyang Subuh.

Seperti yang telah disebutkan dalam siri itu, Hadis yang menjadi sandaran qunut tetap dalam sembahyang Subuh itu antara penyambung riwayatnya terdapat seorang yang bernama Abu Jaafar yang menurut penyelidikan-penyelidikan, orang itu adalah diragui. Ada yang mengatakan Abu Jaafar kurang baik hafalannya, bahkan ada yang mengatakan Abu Jaafar meriwayatkan Hadis-Hadis yang munkar.

UTAMA  
Dalam siri yang baru lalu itu telah kita muatkan pendapat orang yang menyangkal pendapat Al Baihaqi tentang kesahihan Hadis yang digunakan untuk menetapkan qunut dalam sembahyang Subuh.

Orang yang menyangkal kesahihan itu ialah Al Turkumani, yang membawa riwayat Ibnu Abi Syaibah, yang menyatakan bahawa ketetapan qunut itu hanya perkara yang diada-adakan, dan para ulamak yang mendalam kajiannya berpendapat berpegang kepada Hadis Sahih ini adalah lebih utama daripada berpegang kepada Hadis yang diriwayatkan oleh orang awam.

Al Baihaqi menyebutkan juga Hadis yang berpunca dari Toriq yang menyatakan bahawa Sayyidina Umar juga berqunut dalam sembahyang Subuh. Juga Usman berqunut dalam sembahyang Subuh di Mekah dan ada lagi Hadis yang mengatakan demikian dari riwayat 'Ubaid bin Amer, yang dikatakan oleh Baihaqi sebagai Sahih.

Ketika membicarakan hadis-hadis tersebut Al Turkumani menyatakan kemusykilannya, bagaimana hadis-hadis tadi boleh dikatakan Sahih sedang dalam ketiga-tiganya terdapat penyambung riwayat yang bernama Muhammad ibn Hasan Al-Barbahari.

PENDUSTA  
Beberapa orang penyelidik memberikan kesimpulan meragui Muhammad ibn Hasan Al-Barbahari ini.

Antara mereka, Ibnu Jauzi, menuliskan pendapat yang mengatakan bahawa Al Barbahari adalah seorang pendusta. Ad Daruqutni pula menyatakan bahawa Al Barbahari seorang yang mencampurkan antara yang baik dan yang buruk.

Dalam salah satu dari hadis-hadis yang disebutkan tadi juga terdapat seorang penyambung riwayat yang bernama Yahya ibn Salim At-Taifi.

RISDA telah membuat satu rancangan di mana pelajar-pelajar tersebut dihantar melanjutkan pelajaran keluar negeri.

Pada tahun 1978 sahaja seramai 80 orang pelajar anak pekebun kecil telah dihantar keluar negeri. Dan usaha ini akan dilanjutkan dan jumlahnya akan ditambah mengikut kadar kemampuan RISDA dan mengikut jurusan yang mereka ambil.

Tujuan utama mereka dihantar melanjutkan pelajaran keluar negeri adalah sebagai tanaman modal di masa akan datang dalam perusahaan getah.

Apabila kembali nanti akan menjadi golongan pelajar yang berkemampuan memajukan lagi perusahaan getah di samping mengusahakan terus perusahaan getah di mana sekarang kebanyakannya diusahakan oleh orang tengah dan golongan yang bukan pekebun kecil sendiri.

Perusahaan getah memerlukan anak-anak pekebun kecil yang boleh meninggikan lagi mutu getah seperti saintis, perusahaan perkapalan, packing dan macam-macam lagi yang sekarang dijalankan oleh golongan bukan pekebun kecil.

Begitulah halnya. Adakala pegawai yang mengenal betul, dedikasi dan tegas seperti Haji Amr Yaukub, dan menafikan bahawa ia telah membuat kenyataan "politik atau yang berbuat perkauman".

Susah punya kerja ni kalau bikin komen mengenai Bahasa Malaysia dianggap sebagai "berbuat perkauman" pula. Bukankah perkara bahasa ini sudah selesai dan beres?

Begitulah halnya. Adakala pegawai yang mengenal betul, dedikasi dan tegas seperti Haji Amr Yaukub, dan menafikan bahawa ia telah membuat kenyataan "politik atau yang berbuat perkauman".

Awang — Puji yang bekerja, keji yang lembah

**Awang Selamat**